

# METODOLOGI PENTAFSIRAN AL-TABARĪ DALAM *JĀMI' AL-BAYĀN*<sup>c</sup> AN TA'WIL AY AL-QUR'ĀN: SATU KAJIAN AWAL

Asmadi Bin Abdul Rahman<sup>1</sup>  
Abdul Rahman Bin Abdul Ghani Ph.D<sup>2</sup>

## Abstract

*This article seeks to examine and recognize the Jāmi'c al-Bayān c'an Ta'wil Ay al-Qur'ān tafseer written by Muhammad Ibn Jarīr al-Tabarī. This noble book is also known as Ibn Jarīr al-Tabarī tafseer among Islamic scholars today. Imam al-Suyuti stated that all of the noble books of tafseer, written after Ibn Jarīr al-Tabarī, take his opinion and make Ibn Jarīr al-Tabarī's tafseer as a reference. Most of the muktabar scholars (muktabar ulama') agreed that there are none who writes like him at the time. This article focuses on two aspects which includes a summary biographies of Muhammad Ibn Jarīr al-Tabarī and a summary of the methodology of interpretation of the noble book of Jāmi'c al-Bayān c'an Ta'wil Ay al-Qur'ān. This article uses the methods of documentation of references and journals as well as library researches relevant to the Ibn Jarīr al-Tabarī's interpretations.*

**Keywords:** Tafseer, Ibn Jarīr al-Tabarī, Methodology

## PENDAHULUAN

Kitab *Jāmi'c al-Bayān c'an Ta'wil Ay Al-Qur'ān* merupakan antara karya tafsir yang mantap dan menjadi rujukan umat Islam yang ingin mendalami pengajian tafsir al-Quran. Kitab ini telah ditulis oleh Muhammad Ibn Jarīr al-Tabarī pada tahun 283H setelah selesai beberapa rehlah *ilmiyah*. Kehebatan kitab ini adalah disebabkan oleh metodologi dan sumber penulisan yang dilakukan oleh Ibn Jarīr Al-Tabariyy. Oleh yang demikian artikel ini akan mengkaji latar belakang penulis dan metodologi yang digunakan ketika menghasilkan kitab *Jāmi'c al-Bayān c'an Ta'wil Ay al-Qur'ān*.

## METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan (library research) yang merangkumi metode Pengumpulan Data dan Metode Analisis. Jika terdapat perbezaan berdasarkan beberapa dapatan, penulis membuat analisis dengan cara perbandingan fakta seperti perbezaan masa kewafatan Ibn Jarīr al-Tabarī.

## NAMA DAN GELARAN

Beliau ialah Muhammad Ibn Jarīr Ibn Yazīd Ibn Kathīr<sup>3</sup> Ibn Ghalib al-Tabariyy, *al-Imām Abu Ja'far*.<sup>4</sup> Walau Ibn Jarīr al-Tabarī tidak mempunyai anak yang bernama Ja'far, bahkan

<sup>1</sup> Asmadi Bin Abdul Rahman, Calon PhD Usuluddin UPSI, Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPAS)

<sup>2</sup> Abdul Rahman bin Abdul Ghani, Pensyarah Jabatan Pengajian Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

menurut sarjana Islam yang menulis biografinya, beliau tidak pernah berkahwin<sup>5</sup>, tetapi beliau telah digelar sebagai Abu Jaafar. Menurut Sarjana Islam, gelaran Ibn Jaafar diberikan kepada Ibn Jarīr al-Tabarī bertujuan untuk mempraktikkan amalan Rasulullah SAW yang suka memberi gelaran yang baik kepada para sahabat baginda. Gelaran Abū Ja‘far juga mungkin untuk memberi gambaran tentang keluasan ilmu beliau yang sangat hebat di zaman itu. Jika dirujuk kepada lisan Arab, *ja‘far* bermaksud sungai luas yang mengalir. Ilmu beliau yang luas itu telah mengalir sehingga mampu dimanfaatkan oleh umat Islam pada hari ini.<sup>6</sup> Beliau adalah seorang imam mujtahid, ahli tafsir, ahli hadis, ahli fiqah, ahli sejarah Islam, *al-muqri* dan ahli bahasa<sup>7</sup>. Gelaran yang diberikan umat Islam ketika itu bersesuaian dengan kehebatan ilmu yang dimiliki oleh Ibn Jarīr al-Tabarī.

## KELAHIRAN DAN KEWAFATAN

Ibn Jarīr al-Tabarī telah dilahirkan pada tahun 224H<sup>8</sup> / 839M di Amul, Tabaristan.<sup>9</sup> Tabaristan merupakan sebuah negara yang telah menerima Islam sejak tahun 22H apabila tentera Islam bawah pimpinan Nu’aym Ibn Muqarrin berjaya menakluki al-Ray di zaman saidina Umar Al-Khattab.<sup>10</sup>

Walaupun beliau lahir di Amul iaitu satu daerah di Tabristan, beliau tidak digelar al-Amuli tetapi beliau dikenali sebagai al-Tabarī nisbah kepada Tabristan seperti gelaran yang digunakan oleh kebanyakan sarjana Islam yang lain. Namun begitu terdapat juga ulama yang menggunakan nisbah al-Amuli.<sup>11</sup>

Ibn Jarīr al-Tabarī telah wafat pada petang Ahad, 2 hari sebelum berakhir Syawal, terdapat juga pendapat mengatakan 4 hari sebelum berakhirnya Syawal<sup>12</sup> iaitu 26 Syawal tahun 310H.<sup>13</sup> Ketika itu usia beliau ialah 85 tahun.<sup>14</sup>

Menurut riwayat lain pula Ibn Jarīr al-Tabarī meninggal pada waktu maghrib hari Isnin, dua hari sebelum berakhirnya bulan Syawal pada tahun 310H. Kemudian dikebumikan pada hari tersebut juga dalam rumah beliau.<sup>15</sup>

<sup>3</sup> Menurut Ibn Khallikan beliau adalah Muhammad Ibn Jarīr Ibn Yazid Ibn Khālid, tidak dinasabkan kepada Ibn Kathīr. Lihat : Ibn Khallikan, Shamsuddin ahmad IbnMuhammad IbnAbi Bakar (tiada), *Wafayāt al-a‘yān*, Beirut: Dār Ṣādir, jld. 1, hlm. 191.

<sup>4</sup> Al-Udnahwī, Ahmad Ibn Muhammad (1997), *Tabaqāt al-Mufassirīn*, Madīnah: Maktabah al-Ulūm Wa al-Hikām, hlm. 48, Al-Baghdādī, al-Imam, al-Hāfiẓ Abī Bakr Ahmad Ibn Ali Ibn Thabit Al-Khatid, (2001), *Tārikh Madīnah Al-Islāmi*, Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmi, jld. 2, hlm. 548.

<sup>5</sup> Ibn Hajar al-Asqalānī, al-Imam al-Hafiz Ahmad Ibn Ali,(2002), *Lisān al-Mīzān*, Beirut: Dār al-Basha’ir al-Islamiyyah, jld.7, hlm.29.

<sup>6</sup> Ibn Manzūr (tiada), *Lisān al-Carab*, Beirut: Dār al-Ma‘rifah, jld. 1, hlm. 636.

<sup>7</sup> Al-Dhahabī, Syamsuddin Abi Abdullah Muhammad Ibn Ahmad Uthman (1995), *Ma‘rifah al-Qurra’ā al-Kibār ‘ala al-Tabaqāt Wa al-A‘sār*, Istanbul, jld. 2, hlm: 527, Al-Dhahabī, Syamsuddin Abi Abdullah Muhammad Ibn Ahmad Uthman (1983), *Siyar A‘lām al-Nubalā’*, Mu’assasah al-Risālah, jld. 14, hlm. 269.

<sup>8</sup> Ibn Hajar al-Asqalānī, *Lisān Al-Mīzān*, jld.7, hlm. 28.

<sup>9</sup> Al-Hamawī, al-Imām Shihābuddin Abī Abdullah Yāqut Ibn Abdullah,(1988), *Mu‘jam al-Buldān*, Beirut: Dar Sādir, jld. 1, hlm. 57.

<sup>10</sup> Ibn Kathīr, al-Hafiz Imaduddin Abi Fida’ Ismail Ibn Umar (1998), *Al-Bidāyah Wa al-Nihāyah*, Hijr. jld.10, Hlm. 153, Ibn Khallikān, *Wafayāt al-a‘yān*, jld.1, hlm. 192.

<sup>11</sup> Al-Hamawī, *Mu‘jam al-Buldān*, jld. 1, hlm: 57.

<sup>12</sup> al-Hamawi, *Mu‘jam al-Udāba’*, jld:1, hlm: 2441

<sup>13</sup> Al-Yāfi‘ī, al-Imam Abī Muhammad Abdullah Ibn As‘ad Ibn Alī Ibn Sulaimān (1997), *Mirāt al-Jinān*, Beirut: Dār al-Kutb al-Ilmiyyah, jld.2, hlm. 195.

<sup>14</sup> Al-Hamawi, *Mu‘jam al-Udāba’*, jld.1, hlm. 2441.

## **REHLAH ILMU IBN JARĪR AL-ṬABARĪ**

Abu Bakr Ibn Kāmil menghikayatkan bahawa beliau mendengar Ibn Jarīr al-Ṭabari menceritakan bahawa beliau telah menghafaz al-Quran ketika usianya tujuh tahun dan mula menjadi imam solat kepada masyarakat ketika usianya lapan tahun. Beliau juga mula menulis hadis ketika usianya mencecah sembilan tahun.<sup>16</sup>

Ibn Jarīr al-Ṭabari memulakan pengembalaan menuntut ilmu ketika usianya mencecah 12 tahun iaitu pada tahun 236H. Bermula dengan menuntut ilmu dengan ulama' di sekitar Amul. Seterusnya beliau telah meneruskan pencarian ilmu ke setiap pelosok bandar di Tabaristan sebelum mengembala ke Syam, Mesir sehingga ke Baghdad. Ketika itu Imam Ahmad Ibn Hambal meninggal pada tahun 241H.<sup>17</sup>

Al-Dhahabi dalam kitabnya mengatakan bahawa Ibn Jarīr al-Ṭabari telah menuntut ilmu dengan sekurang-kurangnya 42 orang ulama yang masyhur pada zaman tersebut. Yaqtūn al-Hamawi mencatatkan dalam kitabnya bahawa Ibn Jarīr al-Ṭabari telah menghabiskan usia mudanya dengan mendalami ilmu-ilmu. Ketika beliau sampai Mesir, tiada tertinggal seorang ahli ilmu Mesir melainkan semuanya telah ditemui untuk menuntut ilmu.<sup>18</sup>

Menurut sarjana sejarah Islam, Ibn Jarīr al-Ṭabari telah membukukan semua hasil daripada ilmu yang diperoleh sepanjang hayatnya. Namun begitu usaha penulisan ini dilihat semakin rancak ketika beliau berada di penghujung usia. Setiap hari selama 40 tahun beliau dikatakan telah menulis sebanyak 40 helaian.<sup>19</sup> Malah terdapat juga ahli sejarah Islam mengatakan bahawa terdapat sebilangan pelajar Ibn Jarir telah menghitung helaian yang ditulis oleh guru mereka iaitu sebanyak 30 000 lalu dibahagikan dengan usia beliau ketika akil baligh. Hasilnya mereka dapati sekurang-kurangnya Ibn Jarīr al-Ṭabari telah menulis sebanyak 14 halaman setiap hari.<sup>20</sup>

## **GURU DAN MURID IBN JARĪR AL-ṬABARĪ**

Imam Ibn Jarīr al-Ṭabari telah mempelajari pelbagai ilmu daripada tokoh-tokoh Islam yang sezaman dengannya di sekitar Iraq, Syam, Mesir dan Iran. Antara tokoh-tokoh tersebut adalah Sulaiman Ibn Abdul Rahman al-Talhi, Abbas Ibn al-Walid, al-Hamid Ibn Bikar Dan Ayub Ibn Tamim. Mereka adalah merupakan antara guru al-Quran beliau.<sup>21</sup> Antara ulama hadis yang ditemui oleh beliau adalah Muhammad Ibn Abdul Malik Ibn Abi al-Syurab, Ishak Ibn Abi Israil, Ismail Ibn Musa al-Fauzi, Ahmad Ibn Muni<sup>c</sup>, Muhammad Hamid al-Razi, Muhammad Ibn<sup>c</sup>ala Ibn Kurib, Hanad Ibn al-Sara, Yunus Ibn Abdul al-<sup>c</sup>ala.<sup>22</sup> Manakala ulama yang pernah menuntut ilmu dengan beliau pula antaranya ialah, al-Thabrani, Ahmad Ibn Kamil, Ibn Khalaf, Abu Bakr al-Baghdaadi. Menjadi Qadi di Kufah.<sup>23</sup>

<sup>15</sup> Al-Nawawi, *Tahdzīb al-Asmā'*, jld.1, hlm.79.

<sup>16</sup> Al-Nawawi, *Tahdzīb al-Asmā'*, jld.1, hlm.79

<sup>17</sup> Abd Fattah Abu Ghuddah, (1982), *al-<sup>c</sup>Umalā' al-<sup>c</sup>Uzzab*, Beirut:Maktabah Matbu<sup>c</sup>ahl Al-Islamiyyah, hlm.37.

<sup>18</sup> Al-Hamawi, *Mu<sup>c</sup>jam al-Udaba'*, jld.1, hlm. 2446.

<sup>19</sup> Al-Hamawi, *Mu<sup>c</sup>jam al-Udaba'*, jld:1,hlm. 2442.

<sup>20</sup> Abd Fattah Abu Ghuddah, *al-<sup>c</sup>Umalā' al-<sup>c</sup>Uzzab*, hlm. 38.

<sup>21</sup> Al-Dhahabi, *Ma<sup>c</sup>rifah al-Qurra' al-Kibār<sup>c</sup>ala al-Tabaqāt Wa al-A<sup>c</sup>sār*, jld.2, hlm. 527-528.

<sup>22</sup> Al-Udnahwi, *Tabaqāt Al-Mufassirin*, hlm.49, .

<sup>23</sup> Ibid.

Imam al-Nawawi mengatakan bahawa sejumlah ulama' yang telah ditemui oleh Ibn Jarīr al-Tabarī juga merupakan guru-guru Imam Bukhari dan Imam Muslim.<sup>24</sup>

### **TAFSIR JĀMI‘ AL-BAYĀN ḨAN TA’WIL AY AL-QUR’ĀN**

Ibn Jarīr al-Tabarī telah mula menulis tafsirnya ketika masih kecil. Beliau telah menghasilkan 6 jilid besar tafsir dan mengambil masa selama 7 tahun 283H-290H<sup>25</sup> untuk menghabiskan sesi pengajarannya.

Imam al-Suyūtī mengatakan jika ditanya yang manakah rujukan tafsir yang perlu dirujuk dan berpegang dengannya, beliau mengatakan tafsir *al-Imam Abī Ja‘far Muhammād Ibn Jarīr al-Tabarī*. Pada beliau kebanyakan ulama memberi pengiktirafan bahawa tiada ulama sezaman dengan Ibn Jarīr al-Tabarī mampu menulis sepertinya.<sup>26</sup>

### **RINGKASAN TAFSIR AL-ṬABARĪ**

Tafsir Ibn Jarīr al-Tabarī merupakan tafsir yang dikategorikan sebagai *Tafsīr Bi al-Ma’thūr* yang menjadikan riwayat-riwayat yang bersumberkan dari Rasulullah SAW, para sahabat, tabiin dan tabii Tabiin sebagai sumber rujukan ketika mentafsir al-Quran.<sup>27</sup>

Menurut Dr. Husayn al-Dhahabi: *Tafsīr al-Ma’thūr* ialah tafsir yang meletakkan al-Quran sebagai sumber utama tafsiran al-Quran dengan al-Quran, kemudian diikuti dengan hadis yang diriwayatkan oleh Rasulullah SAW, seterusnya diikuti dengan para sahabat, tabiin, tabii Tabiin bagi menerangkan maksud sesuatu ayat al-Quran.<sup>28</sup> Ibn Taimiyah mengatakan bahawa antara kitab *Tafsīr Bi al-Ma’thūr* masih wujud pada hari ini, yang paling sahih adalah tafsir Ibn Jarīr al-Tabarī. Ini disebabkan beliau akan menyatakan apa yang telah dibincangkan oleh ulama terdahulu dengan menyertakan sekali sanad yang jelas. Beliau cuba mengelakkan unsur bidaah, dan tidak mengambil pandangan dari golongan yang dikritik seperti Muqatil ibn Bakir, al-Kalbi, dan tafsiran yang tidak dikategorikan sebagai *Tafsīr Bi al-Ma’thūr* seperti tafsir <sup>c</sup>Abd al-Razāq, <sup>c</sup>Abd Ibn Hamid, Waki<sup>c</sup>, Ibn Abī Syaibah, Ahmad Ibn Hanbal dan Ishāk Ibn Rāhawayh.<sup>29</sup>

Imam al-Suyūtī pula mengatakan bahawa kitab Tafsir Ibn Jarīr al-Tabarī mengandungi segala keperluan tafsir iaitu seperti bersandarkan kepada riwayat-riwayat terdahulu, *istiṣnab* hukum, dan keperluan bahasa seperti *i‘rab, nukat, balāghah* dan sebagainya.<sup>30</sup>

Pendekatan *al-Tawjīh* merupakan salah satu kaedah yang terdapat dalam kitab tafsir Ibn Jarīr al-Tabarī. Melalui kaedah ini beliau akan menghimpunkan segala sumber terhadap isu yang berkaitan sebagai maklumat kepada membaca. Oleh yang demikian, ketika mentafsirkan sesuatu ayat beliau akan memasukkan segala riwayat yang berkaitan tafsiran

<sup>24</sup> Al-Nawāwī, Abī Zakariya Mahyuddin IbnSyaraf, (Tiada), *Tahzīb Al-Asmā’ Wa Al-Lughāt*, Beirut: Dār al-Kutub Al-‘alāmiyyah, jld. 1, hlm: 78.

<sup>25</sup> Ibn Hajar al-Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, jld. 7, hlm. 28.

<sup>26</sup> Al-Sayūtī, Abi Fadhl Jalaluddin Abd Rahman Ibn Abi Bakr, (tiada), *Al-Itqān Fi Ulūm Al-Quran*, (tiada tempat & cetakan), jld. 6, hlm. 2346.

<sup>27</sup> Manā<sup>c</sup> al-Qattan (2000), *Mabāhith Fī Ulūm al-Quran*, Maktabah Wahbah, hlm. 373.

<sup>28</sup> Al-Dhahabi Muhammad Husayn , *Al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, Beirut: Dār al-Arqam Ibn Abī al-Arqam, jld. 1, hlm. 105.

<sup>29</sup> Ibn Taimiyah, Taqiyuddin Ahmad (2005), *Majmu‘ah Al-Fatāwa*, jld.13, hlm.208.

<sup>30</sup> Al-Suyūtī, *al-Itqān fi Ulūm al-Qur’ān*, Jld:6. Hlm:2346.

ayat tersebut sama ada dari sudut sejarah, bahasa, fiqh dan sebagainya. Pendekatan *al-Tawjīh* ini sangat baik bagi mengelakkan budaya fanatik terhadap sesuatu isu dan menjadi budaya akademik yang akan memberi manfaat kepada generasi seterusnya.

Selain itu beliau turut menggunakan kaedah komparatif ketika mentafsir dengan menyenaraikan pendapat-pendapat ulama dan membandingkan pendapat sebahagian mereka dengan yang lain. Ketika membahaskan sesuatu isu, beliau akan berusaha menghasilkan suatu ijтиhad yang dapat mengelakkan dari berlakunya perpecahan umat Islam ketika itu. Ibn Jarīr al-Ṭabārī, pada asalnya beliau bermazhab fiqh al-Syafie, namun setelah 10 tahun menetap di Baghdad beliau telah berijtihad dan bermazhab sendiri.<sup>31</sup> Walau bagaimanapun, mazhab fiqh beliau telah tiada pada masa kini. Pendapat-pendapat fiqh beliau hanya dapat dilihat dalam kitab-kitab karangan beliau.

Ibn Jarīr al-Ṭabārī turut menggunakan pendekatan kaedah *al-Tarjīh* sepanjang penulisan kitab tafsir beliau. Kaedah *al-Tarjīh* bermaksud kaedah yang mengemukakan hujah-hujah tertentu bertujuan untuk menguatkan sesuatu hukum atau mendaifkan sesuatu hujah, kemudian beliau akan berijtihad untuk mengeluarkan pandangan yang paling tepat untuk kemaslahatan umat Islam ketika itu. Beliau juga sangat bertegas ketika membahaskan isu semasa di zaman tersebut, pendapat yang dikeluarkan ada ketika mengundang kritikan melampau sehingga beliau dibenci oleh sebahagian pengikut yang fanatik. Antara peristiwa yang terjadi, beliau dihalang mengadakan majlis ilmu oleh sekumpulan yang fanatik kepada Imam Hanbal. Rasional mengapa mereka menghalang majlis ilmu di bawah pimpinan Ibn Jarīr al-Ṭabārī adalah disebabkan beliau telah menolak beberapa pandangan Imam Ahmad Ibn Hanbal yang dianggap baru oleh beliau. Kebencian golongan fanatik ini tidak terhenti ketika hayat beliau sahaja, bahkan ketika beliau wafat, golongan-golongan ini melarang jenazah Ibn Jarīr al-Ṭabārī dikebumikan di Baghdad. Mereka turut melarang umat Islam mengiringi jenazah. Oleh yang demikian jenazah beliau telah dikebumikan dalam rumah bagi mengelakkan kubur beliau digali semula oleh pengikut yang fanatik kepada mazhab Ibn Hanbal.<sup>32</sup> Kaedah ini hanya digunakan terhadap riwayat yang didapati bercanggah dan memerlukan beliau mengemukakan pandangannya berserta hujah yang relevan. Manakala ketika mentafsirkan ayat berkaitan dengan hukum fiqh beliau akan mengemukakan semua pandangan para sahabat, tabiin dan tabii tabiin. Bagi melengkapkan sesuatu tafsiran beliau turut mengemukakan riwayat yang berkaitan sebab-sebab diturunkan ayat atau sejarah yang berkaitan ayat tersebut bermula dari zaman Rasulullah SAW.

Ketika mengemukakan riwayat bagi melengkapkan tafsiran sesuatu ayat, beliau turut menggunakan riwayat *isrāīliyyāt* sebagai sumber tafsiran beliau. Beliau telah meriwayatkan nya daripada Ka'ab al-Ahbar, Wahab Ibn Munabbih, Abdullah Ibn Salam, Ibn Juraij dan sebagainya. Oleh yang demikian, beliau telah menjadikan riwayat *isrāīliyyāt* sebagai sumber rujukan dalam kitab tafsiran beliau. Penggunaan riwayat *isrāīliyyāt* dalam tafsir Ibn Jarīr al-Ṭabārī telah mengundang kritikan daripada sebahagian sarjana Islam kerana bertentangan dengan hadis Rasulullah SAW yang melarang meriwayatkan dari Yahudi dan Nasrani. Meskipun sebahagian riwayat tersebut telah diberi komen oleh beliau sendiri, namun

<sup>31</sup> Al-Dhahabī, *Syarī'at al-Nubalā'*, jld. 14, hlm: 275, Ibrahim Haqi (2004), *Ulūm al-Qurān min Khilāl Muqaddimāt al-Tafsīr*, Beirut: Mu'assasah Al-Risālah, jld:1, hlm: 262.

<sup>32</sup> Al-Hamawī, *Mu'jam al-Udaba'*, Jld:1, 2443.

sebahagiannya tidak diberi sebarang komen. Keadaan ini mengundang kritikan dari sebahagian ulama'.

Memandangkan Ibn Jarīr al-Tabarī juga sangat memberi penekanan rantaian sanad terhadap sesebuah riwayat yang hendak diambilnya ketika mentafsirkan sesuatu ayat, berkemungkinan beliau menjangkakan bahawa pembaca mengetahui yang mana dikatakan sebagai *isrāīliyyāt* dan yang mana sebaliknya.

Meskipun beliau menggunakan riwayat *isrāīliyyāt* ketika mentafsirkan ayat al-Quran, namun beliau sangat menentang penggunaan akal semata-mata ketika mendatangkan tafsiran terhadap ayat al-Quran. Beliau telah menolak pentafsiran Mujahid yang hanya bersandarkan pada akal semata ketika mentafsirkan ayat 65, surah al-Baqarah.

وَلَقَدْ عِمِّلْتُمُ الَّذِينَ آتَيْتُمُونَا مِنْكُمْ فِي آلَّسْبَتِ فَقُلْنَا لَهُمْ كُوْنُوا قِرَدَةً حَسِّيْنَ ﴿١٦﴾

Maksudnya:

"Dan Sesungguhnya kamu telah mengetahui (bagaimana buruknya akibat) orang-orang di antara kamu Yang melanggar (larangan) pada hari Sabtu, lalu Kami berfirman kepada mereka: "Jadilah kamu kera Yang hina".

Mujahid mentafsirkan bahawa yang berubah menjadi kera adalah hati bukan jasad. Mereka menjadi golongan yang menjauhi perkara membawa kepada kebaikan.<sup>33</sup> Ibn Jarīr Al-al-Tabarī akan mengelakkan daripada meriwayatkan perkara yang tiada berfaedah. Antara contohnya ialah ketika beliau mentafsirkan ayat 112-114 surah al-Maidah yang berkaitan makanan yang dipinta oleh *al-Hawāriyyūn*:

إِذْ قَالَ الْحَوَارِيُّونَ يَعِيسَى اُبْنُ مَرِيمَ هَلْ يَسْتَطِيعُ رَبُّكَ أَنْ يُنَزِّلَ عَلَيْنَا مَاءِدَةً مِنَ السَّمَاءِ قَالَ أَتَقُولُوا إِنَّ رَبَّكَ أَنْ تَأْكُلَ مِنْهَا وَتَطْمِئِنَ قُلُوبُنَا وَنَعَمْ أَنْ قَدْ صَدَقْنَا وَنَكُونَ عَلَيْهَا مِنَ الشَّهِيدِينَ قَالَ عِيسَى اُبْنُ مَرِيمَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا أَنْزِلْنَا عَلَيْنَا مَاءِدَةً مِنَ السَّمَاءِ تَكُونُ لَنَا عِيدًا لَاَوْلَانَا وَءَاخِرَنَا وَءَايَةً مِنْكَ وَأَرْزُقْنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الْرَّازِقِينَ ﴿١٦﴾

<sup>33</sup> Ibn Jarir al-Tabarī , Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir al-Tabarī,(tiada), *Jāmi' Al-Bayān 'an Takwīl Ay Al-Qurān*, Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyah, jld. 2, hlm. 174.

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) ketika orang Hawariyyin berkata: "Wahai Isa Ibn Maryam! Dapatkah kiranya Tuhan mu berkenan menurunkan kepada Kami satu hidangan dari langit?" Nabi Isa menjawab: "Bertakwa lah kamu kepada Allah jika benar kamu orang-orang Yang beriman". Mereka berkata: "Kami hanya ingin hendak makan dari hidangan itu (untuk mengambil berkat), dan supaya tenang tenteram hati kami, dan juga supaya Kami ketahui Dengan yakin, Bahawa Sesungguhnya Engkau telah berkata benar kepada kami, dan supaya menjadilah Kami orang-orang Yang menyaksikannya sendiri" Isa Ibni Maryam (pun berdoalah ke hadrat Allah dengan) berkata: Ya Allah, Tuhan kami! Turunkan lah kiranya kepada Kami satu hidangan dari langit, untuk menjadi hari raya bagi kami, Iaitu bagi Kami Yang ada hari ini dan bagi orang-orang Kami Yang datang Kemudian, dan sebagai satu tanda (mukjizat) daripada mu (yang menunjukkan kebesaran dan kekuasaan Mu); dan kurniakan lah rezeki kepada kami, kerana Engkau jualah sebaik-baik pemberi rezeki".

Menurut tafsiran beliau tidak perlu mencari jenis makan yang dipinta kerana tiada keperluan dan tidak menjadi kemudarat jika tidak diketahui jenisnya.<sup>34</sup> Ulasan ini menunjukkan bahawa Ibn Jarīr al-Ṭabarī prihatin dan mengambil berat terhadap setiap yang apa diriwayatkan. Kebanyakan riwayat *isrāiliyyāt* adalah mengkhususkan sesuatu perkara yang umum dalam al-Quran.

Selain terkenal sebagai orang yang mahir dalam ilmu tafsir dan sejarah, beliau juga mahir dalam Bahasa Arab. Bagi mencapai maksud yang tepat Ibn Jarīr al-Ṭabarī menggunakan terminologi Bahasa Arab. Kaedah ini membantu beliau menghasilkan ijtihad terhadap percanggahan sesuatu masalah dalam tafsiran atau permasalahan fiqah pada zaman tersebut. Selain itu beliau juga menjadikan syair dan bahasa Arab kuno sebagai rujukan ketika mentafsirkan perkataan-perkataan tertentu dalam al-Quran.

Sumber yang turut mempengaruhi penulisan Ibn Jarīr al-Ṭabarī dalam tafsirnya adalah *Qirā'āt al-Quran* iaitu suatu ilmu yang membincangkan tentang cara-cara menyebut kalimah al-Quran bersandarkan kepada ulama' *Qirā'āt*. Ibn Jarīr al-Ṭabarī merupakan seorang ulama Qiraat. Beliau telah menulis *Kitab al-Qirā'āt wa Tanzīl al-Qur'an*, terdapat 18 jilid yang lengkap dengan pembacaan yang betul (*Qirā'āt al-Masyhūr*) dan pembacaan yang salah (*Qirā'āt al-Syāz*) beserta dengan syarah dan sebab mengapa bacaan tersebut *al-Masyhūr* atau *al-Syāz*. Namun begitu kitab tersebut telah hilang dan dicetak kembali seperti mana kitab tafsir beliau. Barangkali jika kitab tersebut masih wujud mungkin ia dapat menangkis tohmahan terhadap beliau yang dituduh menafikan atau mengkritik bacaan yang *mutawātirah*.

---

<sup>34</sup> Ibn Jarīr, *Tafsir Ibn Jarīr al-Ṭabarī*, jld.11, hlm. 232.

## KESIMPULAN

Imam Ibn Jarīr al-Tabarī merupakan seorang tokoh tafsir yang terkemuka selepas era tabii tabiin. Kehadiran penulisan beliau dalam pentafsiran al-Quran ketika itu dilihat dapat memberi pilihan baru terhadap penerapan metode baru dalam bidang tafsir. Penguasaan beliau dalam bidang sejarah, tafsir dan fiqah menyebabkan ketiga-tiga unsur ini telah mewarnai dasar pentafsiran kitab beliau. Penggunaan kaedah *al-Taujīhi*, *al-Tajrīh*, *al-Muqāran*, *al-Tahlīlī* dan sebagainya telah memantapkan penulisan tafsir beliau. Kehebatan penulisan tersebut, turut dimanfaatkan oleh umat Islam pada hari ini. Riwayat yang menceritakan tentang ketekunan beliau dalam menuntut dan menyampaikan ilmu memperlihatkan beliau sebagai tokoh ilmuwan yang hebat ketika zaman tersebut. Tokoh ilmuwan seperti ini sepatutnya menjadi model kepada generasi pada hari ini dalam usaha menimba ilmu. Dengan sedikit pendedahan ini diharapkan dapat ianya memberi manfaat kepada golongan yang dikatakan sebagai waris nabi.

## PENGHARGAAN

Penulis boleh dihubungi di alamat email seperti berikut: [asmadi@kuipsas.edu.my](mailto:asmadi@kuipsas.edu.my) dan [abdrahmanghani@upsi.edu.my](mailto:abdrahmanghani@upsi.edu.my).

## RUJUKAN

### Al-Quran al-Karīm

Al-Hākim Abū Abdullah Al-Hākim Muhammad Ibn Abdullah Ibn Muhamad Ibn Hamdawiyah Ibn Nuaim Ibn al-Hakm al-Nīsābūri. 1990. *al-Mustadrak ‘ala al-Šahīhain*, Beirut: Dar al-Kutb al-Ilmiyyah.

Al-Baghdādī al-Imam, al-Ḥāfiẓ Abī Bakr Ahmad Ibn Ali Ibn Thabit al-Khatid. 2001. *Tārikh Madīnah Al-Islāmī*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.

Al-Dhahabī Muhammad Husayn , *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, Beirut: Dār al-Arqam Ibn Abī Al-Arqam.

Al-Dhahabī Syamsuddin Abi Abdullah Muhammad Ibn Ahmad Uthman .1995. *Ma‘rifah Al-Qurra’ al-Kibār ‘ala al-Tobaqāt Wa Al-A’sār*. Istanbul.

.1985. *Sīr A‘lām Al-Nubalā’*, Mu’assasah al-Risālah.

Abū Guddah ‘Abd al-Fattāh Abu Ghuddah, .1982. *al-‘Umala’ al-‘Uzzab*, Beirut: Maktabah Maṭbu‘ah Al-Islamiyyah.

Al-Hamawī Al-Imām Shihabudin Abī Abdullah Yāqut Ibn Abdullah, 1988. *Mu‘jam al-Buldān*, Beirut: Dar Ṣādir.

Al-Hamawī, Al-Imām Shihabudin Abī Abdullah Yāqut Ibn Abdullah.1988. *Mu‘jam Al-Idaba*, Beirut: Dār al-Gharib al-Islāmī.

- Al-Nawāwi Abi Zakariya Mahyuddin Ibn Syaraf. *Tahzīb Al-Asmā' wa al-Lughāt*. Beirut: Dār al-Kutb al-‘alamiyah.
- Al-Qaṭṭān Manā‘ al-Qaṭṭān .2000. *Mabāhith fī Ulūm al-Qurān*, Maktabah Wahbah.
- Al-Sayūtī Abi Fadhl Jalaluddin Abd Rahman Ibn Abi Bakr. *al-Itqān fī Ulūm al-Qurān*.
- Al-Udnahwī Ahmad Ibn Muhammad .1997. *Tabaqāt al-Mufassirīn*, Madinah: Maktabah al-‘Ulūm Wa al-Hikam.
- Al-Yāfiī al-Imam Abī Muhammad Abdullah Ibn As‘ad Ibn Alī Ibn Sulaimān .1997. *Mirāt al-Jinān*, Beirut: Dār al-Kutb al-Ilmiyyah.
- Ibn ‘Asakir al-Imam al-Alim al-Hafiz Abi al-Qasim Ali Ibn al-Hasan Ibn Hibahtullah Ibn Abdullah.1997. *Tārīkh Madīnah Dimashq*. Beirut: Dar Fiqr.
- Ibn Hajar Al-‘ashqalānī al-Imam al-Hafiz Ahmad Ibn Ali .2002. *Lisān Al-Mīzān*, Beirut: Dar al-Basha’ir Al-Islamiyyah
- Ibn Kathīr al-Hafiz Imaduddin Abi Fida’ Ismail Ibn Umar. 1998. *al-Bidāyah Wa al-Nihāyah*. Hijr.
- Ibn Taimiyah Taqiyuddin Ahmad. 2005. *Majmū‘ah Al-Fatāwa*.
- Ibn Jarīr Abu Ja‘far Muhammad Ibn Jarīr al-Ṭabarī. *Jāmi‘ Al-Bayān ‘an Takwīl Āi Al-Qurān*, Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah.
- Ibrahim Haqi Ibrahim Haqi (2004), *‘Ulūm Al-Qurān min Khilāl Muqaddimāt Al-Tafsīr*, Beirut: Mu’assasah al-Risālah,